

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN
KETIGA BELAS
(2014)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT]

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hassan [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik bilangan masjid, surau, institusi keislaman dan tanah perkuburan Islam terkini yang ada di Malaysia. Daripada jumlah tersebut berapa banyak entiti yang tidak memiliki status hak milik atau geran.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, masjid, surau, institusi keislaman dan tanah perkuburan Islam adalah di bawah kuasa pihak berkuasa agama di negeri masing-masing. Statistik yang terperinci mengenainya hendaklah di rujuk kepada negeri masing-masing.

Walau bagaimanapun, di peringkat Persekutuan, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah membangunkan Sistem Maklumat Imam dan Masjid (SISMIM). Sehingga April 2014, terdapat sebanyak **6,201 masjid** dan **18,669 surau** di seluruh Malaysia dengan jumlah terperincinya adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH MASJID	JUMLAH SURAU
JOHOR	807	1865
KEDAH	576	1642
KELANTAN	576	3117
MELAKA	189	751
N. SEMBILAN	288	1003
PAHANG	555	1394
PULAU PINANG	206	498
PERAK	596	1906
PERLIS	105	326
SELANGOR	402	2076
TERENGGANU	498	1923
SABAH	937	639
SARAWAK	390	988
WILAYAH	76	541
JUMLAH	6,201	18,669

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, terdapat lima (5) kategori milikan tanah masjid dan surau Jumaat. Statistik masjid dan surau tersebut adalah seperti yang berikut:

BIL	KATEGORI MILIKAN	KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA		LABUAN	
		MASJID	SURAU JUMAAT	MASJID	SURAU JUMAAT
1	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	51	55	6	4
2	Institusi Kerajaan (Kementerian)	8	29	7	5
3	Badan Korporat (KLCC)	1	8 (Perbadanan Putrajaya)	-	-
4	Yayasan Bukhary	1	-	-	
5	Individu/ Belum Warta	-	-	2	5
JUMLAH KESELURUHAN		61	92	15	14

Maklumat lanjut mengenai masjid dan surau di Malaysia boleh dilayari di portal <http://masjid.islam.gov.my>.

Manakala statistik Tanah Perkuburan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mengikut geran adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI MILIKAN	KUALA LUMPUR	PUTRAJAYA	LABUAN
1	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	17	-	19
2	Institusi Kerajaan (Kementerian)	2	1	-
3	Badan Korporat	-	-	-
4	Individu/ Belum Warta	-	-	6
	JUMLAH KESELURUHAN	19	1	25

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 56

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN
KAWASAN : TANJONG MALIM

SOALAN:

YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan perancangan untuk menaiktaraf Jalan Persekutuan 1 bahagian dari Tanjong Malim ke Ipoh dari 1 lorong sehala kepada dua lorong sehala.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan menaik taraf Jalan Persekutuan 01 (FT01) dari Tanjung Malim ke Ipoh ialah merupakan antara projek yang dikenal pasti melalui Laporan Pelan Induk Pembangan Rangkaian Jalan Raya, Semenanjung Malaysia (HNDP) yang diterbitkan pada tahun 2008.

Berdasarkan HNDP, Jalan FT01 Tanjung Malim – Ipoh sepanjang 125km ini perlu dinaikkan taraf kepada laluan ‘dual-carriageway’ dengan reka bentuk piawaian JKR, R5. Namun demikian projek ini dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat memandangkan ia melibatkan kos yang sangat tinggi. Permohonan projek berkenaan telah dikemukakan kepada Agensi Pusat untuk kelulusan dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10.

Untuk jangka pendek, kementerian ini akan meneruskan program keselamatan di sepanjang laluan jalan tersebut, iaitu melibatkan skop menaik taraf kawasan kemalangan atau ‘blackspots’ di lokasi-lokasi tertentu.

Sekian, terima kasih.